

Headline	12 pegawai PERHILITAN, veterinar sedia terima panda gergasi		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	02 Apr 2014	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	138,805
Page No	14	Readership	1,048,000
Language	Malay	ArticleSize	114 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,999
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,998



12 pegawai PERHILITAN, veterinar sedia terima panda gergasi

Pegawai Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) serta Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) yang pakar dalam penjagaan panda, bersedia menerima kedatangan pasangan haiwan itu dari China, pertengahan bulan ini.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr James Dawos Mamit, berkata 12 pegawai termasuk empat dari JPV sudah menjalani latihan intensif termasuk di China, manakala negara berkenaan juga akan turut menghantar pegawainya ke Malaysia selama sebulan dari tarikh Fu Wa (panda jantan) dan Feng Yi (panda betina) tiba di sini.

Pegawai dihantar ke China

"Pegawai kita sudah dihantar ke China untuk latihan sejak pasangan panda gergasi itu dikuarantin dalam tempoh sebulan hingga 15 April ini," katanya ketika menggulung perbincangan

Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (2013) 2014 peringkat jawatankuasa, semalam.

Pasangan panda gergasi itu akan dipinjamkan kepada Malaysia selama 10 tahun sebagai simbolik hubungan diplomatik Malaysia-China ke-40 yang bakal diraikan tahun ini. Ia juga bertepatan dengan Tahun Melawat Malaysia 2014 dan bakal merangsang industri pelancongan negara.

Dawos berkata, menerusi kerjasama itu juga, Malaysia berpeluang menjalankan penyelidikan konservasi panda gergasi terutama untuk meningkatkan pengetahuan dan perkongsian kepakaran, khususnya dalam kajian genetik dan perilaku haiwan itu.

Katanya, spesies buluh yang menjadi makanan haiwan itu juga ada di negara ini dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) akan meneruskan usaha supaya bekalan tumbuhan terbabit sentiasa ada.